



“MENANGANI SIKAP EKSTRIM DALAM MELAKSANAKAN JIHAD”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :... وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّى
يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا...
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.



Sesungguhnya ketaqwaan kepada Allah akan mendorong kita agar berhati-hati dalam segala tindakan dan tingkah-laku kita. Taqwa yang sebenar akan menjadikan kita waspada dan bimbang terhadap akibat tindakan yang salah sama ada melibatkan hak Allah SWT, begitu juga hak sesama manusia sebagai hamba Allah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Hari ini, marilah sama-sama kita hayati khutbah yang bertajuk **"MENANGANI SIKAP EKSTRIM DALAM MELAKSANAKAN JIHAD"**.

Muslimin yang berbahagia,

Dunia semakin menghampiri kiamat. Semakin banyak tanda-tanda kecil kiamat yang biasa berlaku di sekitar kita. Antara tanda-tanda kiamat yang diberitahu oleh Rasulullah SAW adalah banyaknya berlaku peperangan dan pembunuhan.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. Bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا تَذْهَبُ الدُّنْيَا حَتَّى
يَأْتِيَ عَلَى النَّاسِ يَوْمٌ لَا يَدْرِي الْقَاتِلُ فِيْمَ قَتَلَ
وَلَا الْمَقْتُولُ فِيْمَ قَتِلَ. فَقِيلَ؛ كَيْفَ يَكُونُ
ذَلِكَ؟ قَالَ: الْهَرْجُ؛ الْقَاتِلُ وَالْمَقْتُولُ فِي النَّارِ.

"Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamannya. Dunia tidak akan musnah sehingga berlaku pada manusia, suasana di mana pembunuh



tidak tahu kenapa dia membunuh. Mangsa bunuh juga tidak tahu kenapa dia dibunuh." Baginda SAW ditanya: "Bagaimana boleh terjadi demikian?" Jawab baginda SAW: "Itulah al-Harju. Pembunuh dan mangsa bunuhnya akan masuk neraka".

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat sekalian,

Fenomena banyaknya kematian berlaku apabila berlakunya peperangan. Peperangan yang berlaku pada abad ke 20 yang lalu telah menyaksikan jutaan manusia dibunuh. Hari ini, pada abad ke 21, peperangan terus berlaku di beberapa negara seperti Syria, Iraq dan Palestin. Ia turut mengorbankan banyak nyawa. Apa yang lebih membimbangkan pada kali ini, peperangan yang berlaku di Iraq dan Syria seolah-olah menggambarkan apa yang disebut di dalam dua hadis tadi. Pembunuhan yang berleluasa sehingga pembunuh tidak tahu mengapa dia perlu membunuh dan mangsa bunuh tidak tahu apakah motif dia dibunuh. Manusia membunuh semahunya. Ia mencetuskan suasana fitnah sehingga antara kumpulan bertentangan tidak mengenali siapa musuh dan siapa kawan.

Peperangan tersebut bukan sahaja melibatkan pihak pemerintah yang zalim dan mangsa kezaliman. Bahkan, ia melibatkan pihak luar dan kuasa-kuasa besar dunia yang mencaturkan peperangan demi mengaut keuntungan hasil bumi, meluaskan pengaruh, mengawal negara-negara Asia Barat, melindungi kepentingan Israel dan menjadi pasaran perniagaan senjata.

Dalam suasana begini juga, kita menyaksikan kemaraan pelbagai kumpulan dari seluruh dunia menyertai peperangan tersebut. Tempoh peperangan yang lama telah mencetuskan kelahiran kumpulan-kumpulan



tentera seperti Free Syria Army (FSA), Ansar Sunnah, Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) dan banyak lagi. Semangat untuk berjuang menegakkan Islam sebagai negara dan keinginan untuk membela golongan yang dizalimi dalam zon peperangan telah menjadi faktor utama menarik penyertaan pelbagai golongan dalam perang ini.

Sidang Jumaat sekalian,

Apa yang dibimbangi adalah sebahagian dari golongan bersemangat juang yang tinggi ini terjebak dalam perangkap yang diatur oleh musuh umat Islam sendiri. Ini kerana penglibatan dalam jihad perang memerlukan ilmu yang luas. Bukan sahaja pada aspek fekah jihad, bahkan memahami situasi politik antarabangsa dan sejarah tipu daya musuh.

Al-Qur'an mengajar kita bahawa jihad peperangan memerlukan ilmu. Justeru semangat untuk berjuang sahaja tidak cukup untuk meneruskan cita-cita murni itu. Ini dapat diamati dari beberapa nas al-Qur'an:

- i. Allah SWT tidak terus mewajibkan jihad perang ketika umat ditindas oleh musuh. Ada ketika kita disuruh bersabar dan ada ketika kita diperintahkan berperang.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 77:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوا أَيْدِيَكُمْ
وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ...

"Tidakkah engkau (hairan) melihat (Wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: "Tahanlah



tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat..."

- ii. Jihad mestilah dipimpin oleh ketua yang alim atau dirujuk kepada para ulama. Ini kerana tentera yang berjihad perlu mengetahui, bilakah peperangan itu wajar diteruskan, bilakah pula perdamaian perlu diterima. Bagaimana menguruskan tawanan dan harta rampasan serta bagaimana pula menegakkan hukum selepas kemenangan. Semuanya ini telah disediakan panduan dalam nas-nas al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW. Kerana itulah, Allah SWT menentukan Talut dipilih menjadi panglima perang berdasarkan kekuatan ilmu dan fizikalnya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 247:

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ
بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي مَلَكَهُ
مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

"..Nabi mereka berkata:" Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan..."

- iii. Umat Islam yang berjihad perlu dilengkapi dengan ilmu. Allah SWT mengingatkan dalam surah at-Tawbah, ayat 122:



﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً
فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ
لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

"Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang). Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".

Sidang Jumaat sekalian,

Kejahilan terhadap fekah jihad akan mendorong tentera yang berjuang melakukan perkara yang lebih memburukkan keadaan. Ini kerana suasana peperangan memungkinkan pelbagai taktik digunakan oleh musuh utama untuk melemahkan Islam. Sejarah pertembungan Islam dengan kuasa Barat yang panjang menjadikan mereka sentiasa mencari jalan untuk menghalang kebangkitan Islam yang sebenar. Antara langkah utama mereka menyekat kebangkitan ini adalah dengan menghalang umat Islam mendapat pendidikan dan ilmu Islam yang sempurna. Terdapat bukti-bukti menunjukkan campur



tangan Barat dalam sistem pendidikan Islam termasuk di universiti terkemuka umat Islam.

Langkah berikutnya adalah menggunakan kelemahan dua golongan di kalangan umat Islam iaitu golongan longgar dan golongan ekstrim. Golongan yang longgar ini bermudah-mudah dengan ajaran Islam. Kelemahan itu menyebabkan mereka mula diresapi ideologi asing dan cenderung kepada Islam liberal, Islam demokrat, pluralisme agama dan lain-lain. Mereka menerima sebahagian ajaran Islam yang mudah diterima akal tetapi meminggirkan aspek yang lain.

Manakala bagi golongan ekstrim pula, sikap mereka terlalu sayangkan Islam tetapi tidak memahami Islam. Kejahilan mereka dipergunakan untuk memberi imej buruk terhadap Islam di mata masyarakat dunia. Mereka berjihad tanpa memahami fekah lalu bersikap gelojoh dalam memartabatkan Islam. Mereka melaksanakan undang-undang Islam tanpa mengikut syarat-syarat dan prosedur yang sepatutnya.

Kedua-dua golongan ini dibiayai secara halus oleh kuasa Barat dalam keadaan mereka sendiri tidak menyedarinya. Kedua-dua aliran ini diperlukan oleh kuasa Barat untuk menghalang Islam yang sebenar dari menyerlah. Akibatnya, pertembungan sesama Islam akan berlarutan jika kita tidak menyedari permainan ini.

Sidang Jumaat sekalian,

Islam menuntut kita bersikap sederhana walaupun dalam suasana peperangan. Dalam satu riwayat oleh Muslim dan Abu Daud diceritakan bahawa Usamah bin Zaid bersama seorang sahabat Ansar telah berjaya mengepung seorang musuh. Tiba-tiba musuh itu berkata: "La ilaha illallah."



Ini menyebabkan lelaki Ansar itu berhenti dari menyerang. Manakala Usamah pula terus menyerang dengan tombak hingga musuh itu terbunuh. Apabila hal itu diceritakan kepada Rasulullah SAW, baginda marah dan berkata: "Adakah engkau membunuhnya setelah dia mengucap 'La ilaha illallah'?" Usamah memberikan alasan bahawa lelaki itu hanya berlindung dengan ucapan itu. Namun baginda SAW terus mengulang-ngulang sabdanya: "Adakah engkau membunuhnya setelah dia mengucap 'La ilaha illallah'?" Akhirnya Usamah merasa kesal sekali atas tindakannya itu.

Sidang Jumaat sekalian,

Hadis seperti ini menunjukkan bahawa jihad itu memerlukan ilmu fekahnya. Semangat yang berapi-api tanpa ilmu akan mendorong pendekatan keras dan ekstrim seperti yang pernah timbul dari kelompok Khawarij dalam sejarah Islam. Sikap yang mirip Khawarij itu adalah seperti berikut:

- i. Mereka dengan mudah mengkafirkan sesiapa sahaja yang tidak menyokong gerakan mereka.
- ii. Mereka memerangi semua golongan yang tidak menerima mereka tanpa mengira latar belakang dan alasan orang yang menolak mereka.
- iii. Mereka menggunakan hujah dari nas al-Qur'an secara zahir tanpa merujuk kepada huraian dari hadis dan tafsiran para ulama.

Wujudnya golongan ekstrim seperti ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW sebelum kemunculan mereka lagi. Dalam sebuah hadis riwayat Abu Sa'id al-Khudri, baginda SAW bersabda yang bermaksud:



“Akan keluar di kalangan kamu satu golongan yang kamu akan memandang rendah solat kamu dibandingkan dengan solat mereka, begitu juga puasa kamu berbanding puasa mereka, amalan kamu dibanding amalan mereka. Mereka membaca al-Qur'an tetapi ia tidak melepasi kerongkong mereka pun (tidak diamalkan). Mereka keluar dari agama seperti anak panah keluar dari busurnya. Lalu si pemanah melihat mata anak panahnya tetapi dia tidak melihat apa-apa padanya. Dia melihat pada bekas juga tidak nampak apa-apa. Dia melihat pada bulu ekor panahnya, juga tidak nampak apa-apa. Lalu mereka tercari-cari pula pada bahagian atas.”

(Riwayat al-Bukhari, Ahmad dan Malik).

Mengakhiri khutbah pada hari ini maka marilah kita sama-sama mengambil langkah-langkah seperti berikut;

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa Islam mengajar umatnya sikap sederhana, merendah diri sesama Islam dan bertegas dengan musuh-musuh Islam yang kafir.
2. Umat Islam hendaklah mempertingkatkan ilmu yang berkaitan dengan jihad dan amalan hidup Islam khususnya berkaitan dengan jihad. Dua sikap inilah yang nyata telah hilang dari kumpulan-kumpulan yang ekstrim sehingga mencetuskan permusuhan sesama Islam. Justeru, umat Islam hendaklah berwaspada terhadap sikap dan pendekatan seperti ini dengan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan tafsir al-Quran, hadis dan fekah jihad.
3. Umat Islam hendaklah memantapkan iman dan memperkasakan Islam dengan ilmu pengetahuan.



4. Langkah pertama umat Islam hendaklah membantu dengan menghulurkan bantuan berupa kewangan dan doa kepada mangsa peperangan.
5. Kita hendaklah jangan mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah jihad yang ekstrim.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا ضَرَبْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَتَبَيَّنُوا وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْقَى إِلَيْكُمُ السَّلَامَ لَسْتَ
مُؤْمِنًا تَبْتَغُونَ عَرَضَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا فَعِنْدَ اللَّهِ
مَغَانِمٌ كَثِيرَةٌ كَذَلِكَ كُنْتُمْ مِّن قَبْلُ فَمَنْ
اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَتَبَيَّنُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadat): "Engkau bukan orang yang beriman" (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan



hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal). (Janganlah kamu gelap mata kepada daki dunia itu) kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak. Demikianlah juga keadaan kamu dahulu (dapat diketahui oleh orang lain akan kelslaman kamu dengan memberi salam atau mengucap kalimah syahadat), lalu Allah mengurniakan nikmat-Nya kepada kamu. Oleh itu selidikilah (apa-apa jua lebih dahulu, dan janganlah bertindak dengan terburu-buru). Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan.”

(an-Nisa':150-151).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami mohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami mohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka



yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.